

Newspaper
Date

Utusan Malaysia
14 January 2016

NATIJAH DASAR LUAR TUN RAZAK

um-14/1/2016

HENRY KISSINGER dianggap sebagai Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) paling hebat kerana ketika era Presiden Richard Nixon dan Gerald Ford beliau telah mengamalkan dasar luar ala 'realpolitik' terutama sekali ketika berhadapan dengan Soviet Union dan China.

Tindakan Kissinger melakukan lawatan ke China secara rahsia untuk bertemu dengan Perdana Menteri Zhou Enlai pada Julai 1971 dianggap sebagai perintis hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara yang dimeterai pada 1979.

Peristiwa Kissinger dan lawatan ke China ini telah banyak kali digunakan sebagai contoh dasar luar 'realpolitik' atau pragmatik kerana perbezaan ideologi politik tidak dijadikan alasan yang mengekang jalinan hubungan diplomatik di antara dua negara.

Dalam pengamalan dasar luar yang pragmatik, seseorang pemimpin memerlukan jangkauan pandangan jauh melewati beberapa dekad yang mencakupi berbagai-bagai bidang seperti ekonomi, keselamatan, kebudayaan atau jika dihipunkan kesemuanya, ungkapan menghayati kesan geopolitik adalah yang paling sesuai.

Malaysia juga pernah memiliki seorang pemimpin yang boleh ditafsirkan pemimpin yang melangkaui era pada ketika itu kerana dasar yang dipelopori sehingga kini masih diamalkan. Banyak dasar yang diasaskan oleh Perdana Menteri yang kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein masih diamalkan pada hari ini dan tidak keterlaluan jika dinyatakan dasar tersebut sebenarnya telah mencorakkan Malaysia pada hari ini.

Keputusan Tun Abdul Razak untuk mencetus komunikasi pemula dengan China melalui perutusan surat kepada Zhou Enlai melalui pasukan Ping Pong Malaysia yang menyertai satu kejohanan di China pada September 1971, dianggap dasar yang tidak masuk akal kerana pada ketika itu Malaysia berhadapan dengan ancaman Parti Komunis Malaya (PKM) yang disokong oleh China.

Bukan sahaja rakyat Malaysia merasa resah tetapi ASEAN (ketika itu dianggotai oleh Malaysia, Thailand, Singapura, Filipina dan Indonesia) agak sangsi dengan dasar luar Malaysia kerana ancaman komunis melalui Perang Vietnam



GERBANG
GLOBAL

AZMI HASSAN

adalah begitu dekat sekali. Malah ketika usia muda ASEAN, Malaysia telah memelopori dasar luar pertubuhan tersebut bukan sahaja sebagai negara anggota pertama mencetus hubungan diplomatik dengan China tetapi seiring dengan itu telah bertindak sebagai pengasas penubuhan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) untuk rantau Asia Tenggara.


Jika tindakan Kissinger memerlukan masa lapan tahun untuk AS menjalin hubungan diplomatik, Malaysia hanya memerlukan tiga tahun kerana hubungan diplomatik di antara Malaysia dan China berjaya dimeterai ketika lawatan Tun Abdul Razak ke Peking (Beijing) pada 31 Mei 1974.

Telah terbukti bahawa tindakan Tun Abdul Razak menjalin hubungan diplomatik dengan China mempunyai nilai kepentingan geopolitik yang tinggi kerana hubungan akrab ini tetap diteruskan oleh kesemua Perdana Menteri selepas beliau iaitu Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan seterusnya Datuk Seri Najib Tun Razak.

Bukan sahaja China telah memutuskan sokongan kepada PKM tetapi pada hari ini hubungan Malaysia yang terjalin lebih dari empat dekad lepas berada pada tahap yang agak unik dan istimewa iaitu agak berbeza jika hendak dibandingkan dengan hubungan China dengan negara anggota ASEAN yang lain.

Pemangkin utama mengapa hubungan Malaysia-China agak unik adalah kewujudan sikap telus dan kepercayaan di antara satu sama lain. Hal ini kerana apabila Tun Abdul Razak mengutus surat kepada Zhou Enlai empat dekad lepas, beliau sebenarnya telah menzahirkan tahap kepercayaan kepada Perdana Menteri China pada ketika masyarakat antarabangsa memandang serong.

Ketika Malaysia dilantik sebagai Pengerusi ASEAN untuk tahun 2015, Presiden China Xi Jinping telah menyatakan sokongan penuh kepada Kuala Lumpur kerana Malaysia dianggap sebagai negara



TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN berjabat tangan dengan Zhou Enlai ketika melawat China pada 1974. - GAMBAR ARKIB UTUSAN

tidak berat sebelah serta mengamalkan diplomasi senyap yang mengutamakan perbincangan dan bukannya konfrontasi.

Jika empat dekad yang lepas Tun Abdul Razak telah merintis dan seterusnya mewarnai hubungan ASEAN-China, tidak keterlaluan jika diandaikan untuk dekad akan datang peranan Kuala Lumpur telah berubah merentasi rantau Asia Tenggara.

Sebab itu Beijing cuba meninggalkan dan juga sedaya upaya meningkatkan hubungan diplomatik telus dengan Malaysia kerana pengaruh Kuala Lumpur sudah merentasi geopolitik dunia yang melibatkan kuasa besar lain.

Sebab itu juga China telah menaikkan taraf hubungan dua hala dengan Malaysia kepada Perkongsian Strategik Komprehensif yang bukan sahaja mencakupi bidang ekonomi tetapi juga pertahanan dan keselamatan.

Dasar luar Tun Abdul Razak juga telah mewarnai geopolitik Laut China Selatan di mana empat negara anggota ASEAN iaitu Vietnam, Filipina, Brunei dan Malaysia terlibat dalam tuntutan bertindih Kepulauan Spratly dan Paracel dengan China.

Lazimnya China akan berkonfrontasi apabila berdepan Vietnam dan Filipina tetapi membuka pintu

perbincangan dengan Malaysia. Wujud senario sebegini kerana perbezaan tahap kepercayaan di antara pemimpin dan bagi Malaysia hubungan ini telah diwarnai empat dekad lepas oleh Tun Abdul Razak.

Kepercayaan China terhadap Malaysia dikatakan berada pada kemuncaknya ekoran peristiwa kehilangan pesawat penerbangan MH370 pada Mac 2014.

Walaupun kerajaan China menerima tekanan yang hebat daripada rakyatnya supaya meletakkan kesalahan kepada kerajaan Malaysia, Beijing tidak pernah menuding jari kepada Kuala Lumpur.

Perdana Menteri China Li Ke-qiang telah menegaskan isu MH370 tidak mampu mengeruhkan hubungan baik yang sedia ada malah akan memperkukuhkan hubungan ke tahap yang lebih tinggi.

Begitu ironis sekali ketika waktu yang sama Malaysia dan AS merintis hubungan diplomatik dengan China pada awal 70an, kini AS dan China bertembung di Laut China Selatan sementara Malaysia pula mengamalkan tahap dasar luar diplomasi yang tinggi terutama sekali dalam kalangan ASEAN. Begitulah natijahnya dasar luar Tun Abdul Razak.

DR. AZMI HASSAN ialah Geostrategis Institut Geospasial dan Sekolah Perdana UTM.